

# Sebanyak 492 graduan diraikan

Semoga terus tabah membawa obor al-Quran



SEBAHAGIAN daripada graduan ijazah DQ-USIM bergambar kenangan di majlis tersebut.

**S**EBANYAK 332 graduan Darul Quran (DQ) menerima Diploma Tahfiz al-Quran dan 103 graduan pula menerima Sijil Tahfiz al-Quran dalam istiadat Konvokesyen DQ ke-24 yang berlangsung pada 15 Ogos lalu di kampusnya di Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Bagi kursus Sijil Tinggi Tarannum al-Quran, sebanyak 24 graduan menerima sijil masing-masing. Selain itu, sebanyak 33 graduan yang tamat program Ijazah

## peristiwa

Sarjana Muda al-Quran dan Sunnah Dengan Kepujian Universiti Sains Islam Malaysia di DQ turut diraikan pada majlis sama.

Istiadat itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Othman Mahmood. Yang turut hadir memeriahkan majlis yang berlangsung di Dewan

Muktamar DQ itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha; Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Razali Shahabudin dan Pengarah DQ, Dr. Nordin Ahmad.

Pada majlis berkenaan, Muhammad Mohd. Nizaam dan Nurul Syafiqah Airussham dianugerahkan Hadiah Anugerah Perdana Menteri atas kecemerlangan mereka berdua dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Sementara itu, Othman dalam ucapan perasmianya merakamkan penghargaan kepada semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan mengharap agar kesemua mereka sentiasa mengekalkan hafalan mereka walaupun sudah menamatkan pengajian.

"Saya harap anda semua bersyukur di atas rezeki yang Allah SWT berikan sebagai seorang mahasiswa Islam yang sentiasa berdampingan dengan al-Quran yang tentunya akan menjadikan anda semua berbeza dengan mahasiswa-mahasiswa lain yang berada di pusat pengajian tinggi lain," katanya.



PESERTA Kursus Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran DQ juga turut diraikan pada istiadat itu.



ANTARA graduan yang menerima sijil pada istiadat Konvokesyen Darul Quran.